



JABATAN AUDIT NEGARA



Laporan Hari Audit Se-Malaysia , Hari Inovasi dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2010

Tarikh: 27- 28 September 2010
**Tempat: Permaisuri Resort
Port Dickson
Negeri Sembilan**

KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
	Pendahuluan	2
BAHAGIAN: A	HARI AUDIT SE-MALAYSIA DAN HARI INOVASI 2010	
	1. Ucapan Aluan Ketua Audit Negara	4
	2. Ucaptama dan Perasmian oleh Menteri Besar Negeri Sembilan	6
	3. Pelancaran eAudit Ranking System (eARAS) & Sistem ILMU Perpustakaan Akademi Audit Negara	8
	4. Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti	9
	5. Penyampaian Sijil 5S Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia	11
	6. Penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat dan Sumbangan Buku kepada Sekolah terpilih oleh YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara.	11
BAHAGIAN: B	PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2010	
	1. Forum Mengenai “Inisiatif Transformasi Kerajaan, Isu dan Cabaran Pelaksanaan”	13
	2. Pembentangan Kertas Kerja I – “AGO’s framework for IT Audit Quality Assurance”	15
	3. Pembentangan Kertas Kerja II – “Fraud: A Criminological Perspective”	16
	4. Pembentangan Kertas Kerja III – “Pelaburan dan Risiko”	17
	5. Pembentangan Kertas Kerja IV – “An Overview of FRS 139 Financial Instruments: Recognition and Implementation Issues – Isu dan Cabaran”	18
	6. Ceramah bertajuk “From Good to Great”	19
	7. Rumusan Persidangan Ketua Audit Negara	21
BAHAGIAN: C	GAMBAR SEKITAR HARI AUDIT SE-MALAYSIA DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKITAR AWAM	23



PENDAHULUAN

Hari Audit Se-Malaysia, Hari Inovasi dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2010 yang bertemakan “Peranan Juruaudit Ke Arah Merealisasikan Program Transformasi Negara” telah berlangsung di Permaisuri Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 27 dan 28 September 2010. Tujuan Hari Audit Se-Malaysia diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Jabatan/Agensi memahami peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara dan meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan peranan audit dalam mewujudkan akauntabiliti dan tadbir urus awam.

Manakala objektif Hari Inovasi adalah untuk menggalak dan meningkatkan budaya inovasi dalam menyediakan sistem penyampaian yang lebih inovatif bagi memenuhi ekspektasi pelanggan dan *stakeholders*. Persidangan Juruaudit Sektor Awam yang merupakan tahun kedua diadakan adalah satu platform bagi membincangkan isu-isu semasa dan meneroka teknik-teknik yang menjamin kualiti pengauditan seiring dengan pelan transformasi kerjaan serta kupasan isu-isu terbaru pengauditan sejajar dengan perkembangan semasa.

Perasmian kedua-dua majlis pada tahun ini telah disempurnakan oleh YAB Dato’ Seri Utama Mohamad Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan. Seramai 850 juruaudit pelbagai peringkat daripada Jabatan Audit Negara, Unit Audit Dalam dan wakil daripada Kementerian/Jabatan menyertai Majlis tersebut. Atur cara yang disediakan pada Hari Audit Se-Malaysia ialah pelancaran sistem eARAS, sistem ILMU Perpustakaan Akademi Audit Negara, penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti Tahun 2009, penyampaian Sijil 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia dan penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat serta sumbangan buku kepada sekolah terpilih.

Persidangan Juruaudit Sektor Awam dimulakan dengan forum mengenai Inisiatif Transformasi Kerajaan Isu dan Cabaran Pelaksanaan. Seramai 2 panel jemputan telah membahaskan topik berkenaan. Sesi seterusnya merupakan pembentangan kertas kerja yang telah dibentangkan oleh penceramah yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Topik kertas kerja yang dibentangkan adalah mengenai “AGO’s *Framework for IT Audit Quality Assurance*”, “*Fraud: A Criminological Perspective*”, Pelaburan dan Risiko dan “*FRS 139 Financial instruments: Recognition and Measurement - Isu dan Cabaran*”. Selain itu, Jabatan Audit Negara telah menjemput YBhg. Prof. Dato’ Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Pertanian Malaysia untuk menyampaikan ceramah bertajuk “*From Good to Great*”. Persidangan telah diakhiri dengan rumusan oleh Ketua Audit Negara.



BAHAGIAN A

HARI AUDIT SE-MALAYSIA 2010



1. UCAPAN ALUAN KETUA AUDIT NEGARA

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama Mohamad Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan kerana sudi melapangkan masa untuk merasmikan Hari Audit Se-Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2010. Beliau juga mengaluakan kehadiran ketua-ketua jabatan dan agensi peringkat persekutuan dan negeri. Beliau menekankan bahawa Hari Audit Se-Malaysia bertujuan untuk mengukuhkan *esprit de corps* warga audit yang bertugas di Jabatan Audit Negara dan Audit Dalam serta memupuk silaturrahim dan persefahaman dengan pihak auditi.

YBhg. Tan Sri mengucapkan tahniah kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri Sembilan yang telah berjaya mendapat penarafan empat bintang bagi pengurusan kewangan mereka pada tahun 2009 terutamanya kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar. Beliau juga menyatakan rasa kagum terhadap pencapaian Jabatan dalam melaksanakan 5S di Jabatan dalam tempoh yang singkat dan seterusnya menerima penganugerahan tersebut dari *Malaysian Productivity Corporation*.

Dalam ucapan beliau, YBhg. Ketua Audit Negara berkata Pelan Transformasi Kerajaan memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif bagi memperbaiki dan memurnikan sistem penyampaian Kerajaan ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat. Dalam usaha untuk menjayakan pelan transformasi ini, YBhg. Tan Sri menyarankan pegawai audit memberi maklum balas dengan tepat, *timely*, saksama kepada *stakeholders*. Pendekatan ini memberi ruang untuk menghasilkan *outcome* dan impak positif kerana pendedahan kepada kejayaan atau sebaliknya boleh menjadi iktibar kepada organisasi lain. Dengan cara membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul, beliau percaya kelemahan dan kesilapan dapat dibanteras sekali gus menjana budaya '*high performance*' dalam organisasi.

YBhg. Tan Sri melihat transformasi telah pun berlaku apabila terdapatnya usaha ke arah penambahbaikan dan meningkatkan kualiti dalam pengurusan kewangan. Sistem Indeks Akauntabiliti (IA) berjaya mewujudkan budaya akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam dan mengubah persepsi umum tentang ketidakcekapan menguruskan wang awam.



Seterusnya, beliau menyatakan bahawa pencapaian dalam pengurusan kewangan menerusi sistem penarafan IA wajar dijadikan *Key Performance Indicator* untuk mengukur komitmen pegawai pengawal dalam usaha mentransformasikan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih cemerlang. Beliau percaya dan yakin bahawa kecemerlangan pengurusan kewangan boleh dicapai dan berharap inspirasi kecemerlangan ini dibudayakan dan dikekalkan sebagai sesuatu yang lestari atau *sustainable*.

YBhg. Tan Sri menyuarakan hasratnya bahawa menjelang pelaksanaan RMK 10, satu transformasi berlaku dalam pengurusan program dan projek Kerajaan di mana penekanan terhadap kepimpinan yang berorientasikan prestasi dilaksanakan iaitu memantau dan mengawas kerja-kerja kontraktor, pembekal, pengeluar dan perunding. Langkah ini penting bagi memastikan prestasi boleh diukur dan Kerajaan memperoleh manfaat 'value for money' dari segi ekonomi, keberkesanan dan kecekapan. Beliau menekankan bahawa pengurus yang kompeten dan *diligence* adalah tidak memadai. Ia perlu disokong dengan koordinasi dan komunikasi yang cekap antara agensi teknikal, perkhidmatan utiliti, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya.

YBhg. Tan Sri berharap pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan akan dapat membantu kelancaran transformasi. Beliau menyeru warga audit supaya melaksanakan tugas dengan jujur dan ikhlas, berusaha mempertingkatkan *profesionalisme* melalui peningkatan ilmu dan kemahiran masing-masing. Sebelum mengakhiri ucapan, beliau mendoakan segala usaha murni warga audit yang mencurahkan bakti kepada negara akan mendapat keberkatan dan rahmat Tuhan.



2. UCAPTAMA DAN PERASMIAN MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

YAB Dato' Seri mengucapkan salam dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Audit Negara kerana memilih Negeri Sembilan sebagai lokasi untuk Persidangan pada kali ini. Beliau menekankan bahawa juruaudit dan auditi memikul tanggungjawab bersama untuk menjayakan transformasi negara. Beliau berpendapat bahawa salah satu usaha transformasi ialah di mana Jabatan/Agensi perlu berhubung dengan Jabatan Audit Negara sebagai rakan untuk mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat dalam usaha memantapkan pengurusan kewangan. Beliau berpendapat pegawai audit perlu menyuarakan pandangan mereka tanpa '*fear factor*'.

Di dalam ucapan perasmian, YAB Dato' Seri merasa bangga dengan peningkatan prestasi agensi di Negeri Sembilan dan beliau mengalu-alukan kedatangan pegawai Jabatan Audit Negara untuk membuat lawatan ke Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sembilan kerana beliau yakin pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi telah mengikut peraturan yang ditetapkan. Beliau mencadangkan Jabatan Audit Negara menyemak semula kesesuaian peraturan yang telah digunakan semenjak 40 tahun dahulu, samada ia masih bersesuaian atau perlu pembaharuan.

Seterusnya, YAB Dato' Seri menekankan bahawa pegawai audit perlu melaksanakan tugas '*without fear and favour*'. Pegawai audit perlu profesional dalam memberi teguran untuk memperbaiki keadaan. Beliau meminta juruaudit mengamalkan sikap '*customer friendly*' sentiasa senyum, '*develop a good relationship*' dan mesra pelanggan. Nilai-nilai ini membantu untuk memupuk persefahaman dalam menjalankan tugas. Beliau menggesa pegawai audit memainkan peranan untuk mengubah tanggapan bahawa Kerajaan tidak efisien. Stigma lama iaitu mencari kesalahan dan menuding jari perlu dikikis sebaliknya pegawai audit boleh memberi pandangan untuk memperbetulkan tadbir urus Kerajaan.

YAB Dato' Seri turut menyentuh tentang persepsi negatif orang awam terhadap sistem penyampaian Kerajaan. Keluhan seperti 'berurusan dengan Kerajaan adalah satu penyeksaan' perlu dikikis. Sehubungan itu, beliau mencadangkan Jabatan Audit Negara melaksanakan audit pengurusan, audit cara bekerja dan pengauditan sumber manusia.



Sebelum mengakhiri ucapan, YAB Dato' Seri berharap persidangan yang diadakan kali ini dapat memberikan manfaat kepada pegawai audit. Beliau juga menyeru agensi yang mendapat penarafan kecemerlangan mengekalkan kecemerlangan dan mendoakan penjawat awam di Negeri Sembilan akan muncul sebagai penjawat awam yang terbaik di seluruh negara pada masa akan datang.

3. PELANCARAN eAUDIT RANKING SYSTEM (eARAS) & Sistem ILMU PERPUSTAKAAN AKADEMI AUDIT NEGARA

Sempena Hari Inovasi, Jabatan Audit Negara telah melancarkan dua sistem yang dibangunkan oleh Jabatan iaitu sistem eARAS dan sistem ILMU (*Integrated Library Management Utility*) Perpustakaan Akademi Audit Negara. Sistem eARAS adalah suatu sistem yang digunakan oleh Jabatan Audit Negara untuk memantau prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam berdasarkan Indeks Akauntabiliti. Sistem ini adalah berasaskan web dan boleh diakses menggunakan pelayar web. Ia menyediakan fungsi penyediaan soalan penilaian, formula wajar, kemasukan maklumat, dashboard dan laporan bagi membolehkan penarafan pengurusan kewangan dibuat dengan mudah dan menyeluruh.

Terdapat enam modul utama dalam sistem ini iaitu Modul Penyediaan Kriteria, Modul Semakan Audit, Modul Pengurusan Auditi, Modul Keputusan dan Analisis, Modul Laporan, dan Modul Pentadbiran Sistem. Menerusi modul-modul ini, Juruaudit boleh memasukkan semakan audit bagi sesuatu auditi bagi skop penarafan, yang seterusnya akan dijumlahkan dan diberi rating secara automatik.

Sistem eARAS ini dapat meningkatkan kecekapan dalam urusan pemantauan pengurusan penarafan audit, membantu pegawai bertanggungjawab menyelia proses pengesahan semakan bagi sesuatu audit yang telah berdaftar dengan lebih efisien, membantu pegawai untuk menjawab soalan audit dengan mudah agar laporan yang dikeluarkan adalah tepat dan menyediakan laporan dan statistik yang lebih tepat.

Manakala, Sistem ILMU Perpustakaan Akademi Audit Negara merupakan sistem pendokumentasian perpustakaan dan telah beroperasi sepenuhnya di Perpustakaan Akademi Audit Negara. Objektif sistem ILMU adalah untuk menjalankan proses pengkatalogan, inventori, sirkulasi dan semakan stok dengan lebih cekap dan berkesan. Pengguna Perpustakaan boleh mengakses data dan sistem tersebut melalui web pencarian iaitu WebOPAC di alamat <http://ilmuaan/aan-equip/> atau <http://10.48.146.21/aan-equip/>.

4. PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2009

YAB Menteri Besar Negeri Sembilan telah menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA) kepada 14 Kementerian/Agensi Persekutuan, 2 Agensi Badan Berkanun Persekutuan dan 31 Jabatan/Agensi Negeri. Senarai penerima anugerah adalah seperti **Jadual I**.

Jadual I: Senarai Penerima IA

Persekutuan	
1	Jabatan Perdana Menteri
2	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
3	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
4	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komuniti
5	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
6	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
7	Kementerian Kerja Raya
8	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
9	Kementerian Sumber Manusia
10	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan bandar
11	Agensi Nuklear Malaysia
12	Jabatan Mineral dan Geosains
13	Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
14	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Badan Berkanun Persekutuan	
1	Perbadanan Produktiviti Malaysia
2	Perbadanan Putrajaya
Negeri	
Negeri Sembilan	
1	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Sembilan
2	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
3	Pejabat Daerah dan Tanah Seremban
4	Majlis Perbandaran Port Dickson
Johor	
1	Perbadanan Johor
2	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor
Kedah	
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
2	Majlis Agama Islam Kedah
3	Pejabat Daerah Kubang Pasu



4	Majlis Perbandaran Sungai Petani
Kelantan	
1	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
2	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
Melaka	
1	Mahkamah Syariah Negeri Melaka
2	Majlis Perbandaran Alor Gajah
Pahang	
Majlis Daerah Pekan	
Perak	
Pejabat Kewangan Negeri Perak	
Pulau Pinang	
1	Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
2	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
3	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
Sabah	
1	Jabatan Bendahari Negeri Sabah
2	Perbadanan Pinjaman Sabah
3	Majlis Daerah Tambunan
4	Majlis Daerah Kota Marudu
5	Majlis Daerah Sipitang
Sarawak	
1	Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
2	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
3	Majlis Agama Islam Sarawak
4	Lembaga Pelabuhan Miri
Selangor	
Majlis Agama Islam Selangor	
Terengganu	
1	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu
2	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu



5. PENYAMPAIAN SIJIL 5S OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Ibu Pejabat, Jabatan Audit Negara telah menerima sijil 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia hasil dari semangat kerjasama, sokongan dan komitmen di setiap peringkat pegawai bagi mewujudkan suasana persekitaran dan tempat kerja yang lebih berkualiti dan produktif.

6. PENYAMPAIAN SIJIL PENYERTAAN PROGRAM ANAK ANGKAT DAN SUMBANGAN BUKU KEPADA SEKOLAH TERPILIH

Program Anak Angkat adalah bertujuan untuk membantu Kementerian/Agensi memperbaiki kelemahan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Agensi masing-masing. Sebanyak lima agensi berikut telah menerima sijil penyertaan Program Anak Angkat:

- 1) Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan
- 2) Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor
- 3) Mahkamah Sesyen Ipoh, Perak
- 4) Pejabat Kesihatan Daerah, Sik, Kedah
- 5) Sekolah Tunas Bakti (P), Marang, Terengganu

Selain itu, lima buah sekolah telah menerima sumbangan buku dari Jabatan Audit Negara. Sekolah yang terpilih adalah:

- 1) SM Rendah Agama Ulu Jempol
- 2) SJK (C) Chuang Hua Pasir Panjang
- 3) SK Sepri
- 4) SJK (T) Ladang Bahau
- 5) SK Sungai Buloh



BAHAGIAN B

PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2010

1. FORUM MENGENAI “INISIATIF TRANSFORMASI KERAJAAN: ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN”

- Ahli Panel : i) En. Ruzain Bin Idris
Ketua Program Pengurusan Alam Sekitar, (INTAN)
- ii) En. Mohamed Raslan Bin Abdul Rahman
Council Member, Institut Akauntan Malaysia
- iii) YBhg. Dr. Zakariah Bin Abdul Rashid
Pengarah Eksekutif, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

Pemudahcara : En. Hashim Bin Mohammed
Presiden, Institut Juruaudit Dalamam Malaysia

Perbincangan dimulakan oleh pemudahcara yang menyatakan program transformasi merupakan suatu perkara yang utopia. Transformasi bukan mudah untuk dicapai tetapi untuk mencapainya bukanlah suatu yang mustahil. Beliau menekankan bahawa pemimpin yang berani untuk memecahkan birokrasi. Program transformasi Kerajaan yang dirancang boleh menjadi tidak realistik sekiranya langkah serius tidak diambil oleh pelbagai pihak. Justeru kerjasama dari sektor awam dan swasta secara khususnya dan rakyat secara amnya diperlukan untuk merealisasikan program berkenaan.

En. Ruzain Bin Idris membincangkan mengenai peranan dan tanggungjawab INTAN dalam merealisasikan program transformasi Kerajaan. Aktiviti seperti ceramah, kursus, latihan dan sebagainya digubal untuk melahirkan penjawat awam yang berkemahiran, berkarisma dan berketerampilan sejajar dengan dasar dan polisi Kerajaan.

En. Mohamed Raslan Bin Abdul Rahman berpandangan bahawa untuk menjayakan dan merealisasikan program transformasi, ia memerlukan kerjasama yang jitu dari semua pihak. Perkara yang paling penting adalah pengurusan pakar profesional (*professional talent management*) untuk menarik balik anak watan yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal yang tinggi di luar negara untuk bekerja di Malaysia. Usaha pengurusan kepakaran ini perlu dipandang serius supaya program transformasi dapat direalisasikan dengan lebih baik daripada apa yang dijangkakan.

YBhg. Dr. Zakariah Bin Abdul Rashid menyatakan bahawa pada masa akan datang, Malaysia perlu memikirkan peningkatan dalam pendapatan hasil Kerajaan dan tidak hanya bergantung kepada hasil petroleum semata-mata. Beliau berpendapat pengurusan hasil Kerajaan yang mantap boleh meningkatkan taraf hidup rakyat. Beliau percaya anak watan yang bertugas di luar negara berkemungkinan akan kembali ke tanahair sekiranya terdapat jaminan bahawa kehidupan mereka akan bertambah baik di Malaysia. YBhg. Dr. Zakariah juga berpendapat model kehidupan yang ideal mempunyai tiga (3) elemen iaitu peningkatan pendapatan, peningkatan kualiti kehidupan dan lestari kehidupan (*sustainability*).



Kesimpulan dari forum adalah seperti berikut:

- 1) Keperluan untuk mengenalpasti individu yang mempunyai kepakaran di sektor awam, sektor swasta dan di luar negara.
- 2) Proses pengeluaran yang mempunyai *value added* kepada produk dan perkhidmatan.
- 3) Mengubah minda dan penolakan kepada minda yang mengharapkan bantuan/subsidi. (*remove the subsidy mindset*).
- 4) Mengubah sistem percukaian.
- 5) Memperkenalkan sistem *Government Service Tax* (GST) seperti di negara maju.
- 6) Mengubah cara bekerja.
- 7) Mengubah cara berfikir dan persepsi yang lebih terbuka terhadap sesuatu perkara.

Antara soalan yang dikemukakan dalam sesi soal jawab adalah mengenai keberkesanan pengurusan wang zakat bagi membasmi kemiskinan untuk kehidupan yang lebih selesa di Malaysia memandangkan cabaran kehidupan adalah '*cost of living*' yang tinggi.

YBhg. Dr. Zakariah Bin Abdul Rashid menjelaskan bahawa pungutan wang zakat adalah dalam kuantiti yang kecil dan tidak dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan. En. Hashim b Mohammed memberikan pandangan bahawa pengurusan wang zakat perlu diperkemas lagi dari segi mengenalpasti golongan asnaf, pembahagian kutipan dan sebagainya. Beliau seterusnya mencadangkan pengauditan dilakukan terhadap pengurusan wang zakat ini.

YBhg. Dr. Zakariah Bin Abdul Rashid menyatakan bahawa isu kos sara hidup yang tinggi merupakan senario yang sukar untuk diatasi. Beliau berpendapat pendapatan yang tinggi bukan merupakan isu utama tetapi faedah yang diperolehi serta kepuasan terhadap pendapatan, itu perlu diutamakan.



2. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA I – “AGO’S FRAMEWORK FOR IT AUDIT QUALITY ASSURANCE”

Penceramah : En. Abdul Hamid Bin Abdullah
Audit Director, SAI of Singapore

Pemudahcara : En. Khalid Khan Bin Abdullah Khan
Pengarah Audit Negeri Sarawak

Penceramah menerangkan latar belakang, peranan, tanggungjawab, fungsi, visi dan misi Pejabat Ketua Audit Negara Singapura. Beliau menyentuh mengenai proses bagi menghasilkan pengauditan yang berkualiti dalam pengauditan teknologi maklumat. Pejabat Ketua Audit Negara Singapura tidak mempunyai standard yang khas untuk pengauditan teknologi maklumat. Pengauditan teknologi maklumat di Singapura dilaksanakan dengan mengikut Garis Panduan INTOSAI, CISA, COBIT dan analisa melalui aplikasi *Audit command Language (ACL)*. Jaminan kualiti untuk pengauditan teknologi maklumat dilaksanakan mengikut kaedah COBIT. Skop pengauditan teknologi maklumat merangkumi *technology integrity, business process integrity, application security, program interface and data conversion integrity, infrastructure* dan *project management*. Pengauditan teknologi maklumat dilaksanakan untuk menyokong pengauditan penyata kewangan. Pengauditan IT dilaksanakan mengikut keperluan untuk mengesahkan penyata kewangan.

Apabila ditanya mengenai penglibatan juruaudit dalam pengauditan *System Development Life Cycle*, En. Abdul Hamid Bin Abdullah memaklumkan bahawa AGO tidak terlibat di dalam proses pembangunan sistem tetapi menjalankan pengauditan pembangunan sistem. Beliau menyatakan bahawa pembangunan sistem merupakan *high risk areas* seperti pengurusan projek, *deliverables* dan sebagainya .

Beliau juga ditanya mengenai sejauh mana penglibatan Bahagian IT dalam melaksanakan pengauditan. En. Abdul Hamid Bin Abdullah memaklumkan bahawa Bahagian IT akan melakukan pengauditan sekiranya terdapat keperluan untuk mengaudit sistem Kerajaan. Perkara ini dinyatakan dengan jelas di dalam *IT Audit Involvement Memo* dan penemuan pengauditan akan diintegrasikan dengan penemuan dari pengauditan penyata kewangan. Bahagian IT tidak akan melaksanakan pengauditan sepenuhnya tetapi hanya berkaitan sistem dan pengetahuan teknikal sahaja.



3. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA II – “*FRAUD: A CRIMINOLOGY PERSPECTIVE*”

Penceramah : En. Akhbar Bin Satar
President, Malaysia Association of Certified Fraud Examiners

Pemudahcara : En. Khalid Khan Bin Abdullah Khan
Pengarah Audit Negeri Sarawak

Penceramah menerangkan perkara seperti punca *fraud*, simptom berlakunya *fraud* dan penyelewengan di kalangan kakitangan. Mengikut statistik yang dijalankan oleh Bank Dunia, rasuah boleh menyebabkan kadar pembangunan sesebuah negara berkurangan antara 2-4% yang bersamaan dengan RM10 billion setahun. Dari statistik yang dilaporkan oleh *World Corruption*, Malaysia adalah di tangga 56, iaitu merosot dari tangga 47 pada tahun 2008. Menurut beliau, setiap individu adalah terdedah kepada 3 ‘TA’ iaitu takhta, wanita dan harta. Kecenderungan terhadap salah satu ‘ta’ secara tidak disedari akan mengheret individu ke kancah *fraud*. Individu terlibat dengan *fraud* kerana 3 perkara iaitu *rationalisation, pressure and opportunity*. Individu dinasihatkan supaya tidak kompromi dengan faktor integriti. Individu dicadangkan jangan melakukan perkara tanpa alasan yang munasabah.

Salah seorang peserta bertanya berkenaan dengan *fraud 9/11* dan *Iraq fraud* dan pandangan beliau mengenai *individual fraud* dan *organizational fraud*. En. Akhbar Bin Satar menjawab kebiasaannya manusia adalah tamak dan mereka menggunakan kepentingan organisasi sebagai alasan untuk terlibat di dalam *fraud*.

Soalan seterusnya adalah mengenai peranan *fraud auditing, whistle blower* dan sejauh mana maklumat yang diperolehi dari kedua kaedah tersebut boleh dipercayai. Penceramah memaklumkan bahawa *whistle blower* adalah penting dan relevan tetapi organisasi perlu ada kaedah untuk menyiasat dengan lebih terperinci serta melindungi keselamatan *whistle blower* ini.

4. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA III - “PELABURAN DAN RISIKO”

Penceramah : En. Shahril Ridza Bin Ridzuan
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan),
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Pemudahcara : YBhg. Dato' Mustafa Bin Haji Saman
Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

Penceramah membentangkan mengenai latarbelakang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), tadbir urus, objektif pelaburan, pembahagian aset, pengurusan risiko, prestasi pelaburan dan isu-isu serta cabaran di dalam pelaburan. Objektif pelaburan KWSP adalah untuk menyenggara dan meningkatkan nilai modal yang diperolehi dari caruman ahli. Objektif yang kedua adalah untuk mengekalkan kestabilan dan konsistensi pulangan dalam had risiko yang ditetapkan. Strategi untuk mencapai kedua objektif adalah dengan mengamalkan konsep konservatif dan mengekalkan polisi pelaburan yang mempunyai risiko yang rendah.

Mengikut beliau, KWSP menggunakan polisi pelaburan yang berisiko rendah. Pengurusan KWSP mewajibkan penggunaan *risk score card* untuk langkah kawalan. 70% jumlah aset merupakan *fixed income* atau *interest based instruments*. Saiz pelaburan KWSP telah meningkat 30% semenjak empat tahun lalu. Kadar pasaran modal domestik meningkat tidak seiring dengan pasaran modal KWSP.

Soalan pertama yang ditanya mengenai risiko instrumen kewangan seperti bon dalam pelaburan. En. Shahril Ridza Bin Ridzuan memaklumkan bahawa tiada pelaburan yang tidak mempunyai risiko dan bon adalah salah satu instrumen kewangan yang selamat. Pelaburan perlu dilakukan berdasarkan kepada pengetahuan yang ada pada ketika ia dibuat dan KWSP tidak dapat menjangkakan kemungkinan yang akan berlaku. Soalan seterusnya adalah mengenai pelaksanaan *benchmarking* untuk pembayaran dividen. Penceramah memberitahu bahawa KWSP melaksanakan *benchmarking* dan merujuk kepada *Global Index* seperti *MSI Index* yang diamalkan di Singapura, Jepun dan Korea. Di Malaysia, masyarakat sering membuat perbandingan antara pelaburan di KWSP dan PNB, beliau menjelaskan KWSP membuat pelaburan di *portfolio fund* dan PNB melabur dalam pelaburan ekuiti.

Soalan seterusnya adalah mengenai risiko pelaburan di luar negara berbanding pelaburan domestik yang diuruskan oleh Bursa Saham. En. Shahril Ridza Bin Ridzuan memaklumkan bahawa tiada pelaburan yang tidak mempunyai risiko. Pelaburan di luar negara akan menggalakkan pengaliran wang ke luar Malaysia dan sedikit sebanyak akan mengurangkan kestabilan ringgit. Beliau berpendapat langkah perlu diambil untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia.



5. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA IV – “AN OVERVIEW OF FRS 139 FINANCIAL INSTRUMENTS: RECOGNITION AND IMPLEMENTATION ISSUES – ISU DAN CABARAN”

Penceramah : En. Ahmad Nasri Bin Abdul Wahab
Rakan Kongsi KPMG

Pemudahcara : YBhg. Dato' Mustafa Bin Saman
Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

Kertas kerja ini membincangkan tentang pelaksanaan Instrumen Kewangan *FRS 139* yang berkaitan dengan isu pengiktirafan dan pelaksanaan *FRS* ini berkuat kuasa pada 1 Jan 2010 dan bagi syarikat yang akan membentangkan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. *FRS 139* akan sentiasa melalui perubahan dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan sistem kewangan itu sendiri.

Prinsip *FRS 139* menerangkan *initial measurement*, *subsequent measurement*, *impairment*, *accounting for derivatives*, *derecognition* dan *hedge accounting*. *FRS 139* membincangkan konsep *fair value* dan *derivatives*. *Fair value* diukur berdasarkan 3 prinsip iaitu *willing party*, *arms' length transactions* dan *knowledge*.

Penceramah telah ditanya mengenai bagaimana untuk memastikan Laporan Penyata Kewangan yang menunjukkan transaksi adalah benar dan saksama. Beliau memaklumkan sekiranya satu pihak mengatakan *fair value* adalah benar, pihak yang lain akan mengatakan sebaliknya. Oleh itu, *disclosure* diperlukan bagi menyokong kebenaran fakta yang dicatitkan di dalam laporan.

Soalan seterusnya adalah berkenaan kesahihan maklumat kewangan yang ditunjukkan sekiranya konsep *fair value* digunakan. Ini adalah kerana sentiasa berlaku perubahan dalam standard *FRS*. En. Ahmad Nasri Bin Abdul Wahab menyatakan terdapat *downfall* dalam standard dan ini menyebabkan standard perakaunan berubah. Perubahan yang berlaku adalah untuk mengambilkira peraturan dan undang-undang yang telah dikemaskini.

Ditanya sejauh mana *FRS 139* memberi impak terhadap pengiraan cukai, penceramah memaklumkan bahawa *FRS* dan percukaian mempunyai peraturannya sendiri. Malaysia masih mengkaji kerjasama antara Institut Perakaunan Malaysia (MIA) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mencapai kata sepakat dalam *FRS 139*.

6. CERAMAH BERTAJUK “FROM GOOD TO GREAT”

Penceramah : YBhg. Professor Dato’ Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman
Pengarah bahagian Perancangan Korporat,
Universiti Pertanian Malaysia (UPM)

Ceramah motivasi ini bertujuan untuk menyuntik semangat juruaudit untuk terus memajukan diri dan meningkatkan prestasi walaupun telah mencapai tahap yang membanggakan. Penceramah menyeru agar semua juruaudit memulakan hari dengan senyuman kerana senyuman merupakan terapi dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Senyuman perlu datang dari hati dan dipancarkan melalui mata kerana senyuman begini akan menyenangkan orang lain dan mencipta suasana yang ceria.

Perjalanan kehidupan bukanlah jalan yang sentiasa lurus, ia dipenuhi dengan ranjau duri yang memerlukan kekuatan mental dan fizikal. Orang yang hebat selalunya akan sentiasa menerima cabaran dan mencari sebab untuk meneruskan kehidupan ke tahap yang lebih baik. Penceramah juga menyatakan jika individu tidak tahu arah yang ingin dituju, hidup ini akan tetap membawa ke suatu destinasi. Adalah lebih baik semua individu tahu kemana arah tujuan supaya masa dan tenaga tidak terbuang serta proses transformasi juga tidak tertanggung terutamanya dalam memahami misi dan visi jabatan.

Beliau juga memberi kaedah untuk mencari tujuan di dalam hidup tidak kira dari segi kerjaya mahupun kehidupan peribadi melalui kaedah E.R.I.C. Ia bermula dengan *Eliminate* (E), menyingkirkan perkara yang tidak memberi penambahbaikan kepada individu. *Reduce* (R), mengurangkan perkara yang memberi gangguan dalam mencari arah tujuan. Kemudian, *Increase* (I), meningkatkan tenaga dan pemikiran dalam mencari hala tuju kehidupan. Akhirnya, *Create* (C), mencipta kreativiti dan inovasi untuk hala tuju supaya bermotivasi untuk mencapai kejayaan. Selain itu, kegagalan dalam kehidupan adalah biasa tetapi individu tersebut perlu bangun dari kegagalan bukan membiarkan diri semakin jatuh dan terus jatuh. Bangun dari kegagalan adalah sikap orang yang hebat. Ia memerlukan kekuatan untuk bangkit dan meneruskan perjuangan.

Sejajar dengan Program Transformasi Negara, semua juruaudit digalakkan untuk melakukan transformasi diri masing-masing. Transformasi adalah proses berubah ke tahap yang lebih baik dan sentiasa ingin memperbaiki diri. Transformasi juga memberi impak dalam mencipta budaya yang mementingkan kualiti. Perubahan yang berterusan (*continuous improvement*) atau *Kaizen* tidak termasuk dalam proses transformasi kerana merupakan peningkatan sedikit demi sedikit. Transformasi memerlukan proses perubahan sikap yang serius dalam mencapai kejayaan.



Terdapat 3 jenis sikap individu terhadap proses transformasi. Pertama, *Transformation*, golongan ini akan terus melaksanakan perkara yang membolehkan mereka berjaya tanpa bertanggung serta sanggup berdepan dengan cabaran yang bakal dihadapi. Mereka membuat perkara yang betul, dengan cara yang betul, pada masa yang betul dan tempat yang betul serta dengan kerjasama orang yang betul dan juga atas alasan yang betul. Kedua, *Status Quo* dimana golongan ini akan mengekalkan tahap yang sedia ada dan adakalanya meningkat tetapi dalam keadaan yang sedikit. Golongan ini hanya memenuhi standard yang minima dan kadang kala terpaksa melakukan perkara tersebut. Manakala, ketiga, *Decline*, golongan ini tidak terlalu berusaha untuk menjadi orang yang hebat dan meningkatkan diri hanya setakat ala kadar sahaja.

Terdapat 3 peringkat untuk pembentukan proses transformasi. Pertama, *Stabilization* di mana keadaan semasa perlu stabil sebelum memulakan proses transformasi. Kedua, *Raising The Bar Of Quality*, setelah keadaan semasa stabil barulah standard untuk kualiti boleh ditingkatkan. Ketiga, *Attaining Excellence* di mana setelah kedua faktor dicapai, ia akan menuju ke arah kecemerlangan.

Kejayaan memerlukan kemahuan (*Desire*) dan kapasiti (gabungan antara ilmu dan kemahiran) dalam menjalankan kerja yang diberikan. Tambahan pula, kejayaan menggabungkan pengetahuan sebanyak 10%, kemahiran juga 10% tetapi yang utama adalah sikap di mana ia menyumbang sebanyak 80%. Tanpa sikap dan perlakuan yang inginkan transformasi, kejayaan tidak akan mungkin dicapai. Sebelum itu, kesedaran adalah perlu sebelum melakukan perubahan. Ia bermula dengan pemikiran untuk berubah, kemudian sikap untuk memulakan perubahan. Penghijrahan perlakuan akan berlaku setelah berlakunya perubahan dalam sikap individu. Kesemua inilah yang akan membawa individu ke tangga kejayaan.

Ceramah yang disampaikan oleh YBhg. Professor Dato' Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman memberi kesedaran yang mendalam kepada semua hadirin. Beliau memberikan ceramah dengan bertenaga, ceria dan membawa para hadirin untuk menilai semula diri masing-masing. Sejauh mana kita telah berada dan kemana tujuan kita selepas ini. Diharapkan semua hadirin memahami dan akan memulakan transformasi diri masing-masing setelah mendengar ceramah ini.



7. RUMUSAN PERSIDANGAN

Oleh Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang
Ketua Audit Negara

YBhg. Tan Sri merakamkan penghargaan kepada semua Jawatankuasa yang menjayakan Persidangan kali ini dan mengucapkan terima kasih kepada semua warga audit yang hadir. Pada awal ucapannya, YBhg. Tan Sri mengimbas kembali pengalaman beliau mengharungi liku-liku dan cabaran dalam usaha mencapai kejayaan. Setelah melahirkan rasa syukur terhadap kejayaan yang telah dikecapi, beliau berazam untuk memanfaatkan ruang dan peluang yang ada untuk membalas budi serta menabur bakti kepada negara. Seterusnya, beliau menyarankan semua pegawai Jabatan Audit Negara bersama-sama melaksanakan pembaharuan untuk kecemerlangan dan ikhlas menjalankan tugas yang diamanahkan.

Menempuhi segala macam cabaran dalam sektor awam, beliau mengingatkan pegawai audit betapa pentingnya untuk berpegang kepada prinsip dalam menjalani kehidupan dan melaksanakan tugas. YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa terdapat dua (2) peringkat akauntabiliti iaitu aspek dunia dan akhirat. Beliau merujuk kepada ceramah yang disampaikan oleh Prof Dato' Dr. Sheikh iaitu manusia sering terlupa apakah objektif kehidupannya. Beliau menggesa setiap individu memperbaiki kelemahan yang ada, tingkatkan usaha untuk menimba ilmu dan memperbaiki mutu kerja. Pelan transformasi negara memerlukan warga Jabatan Audit Negara mengambil langkah transformasi dari segi minda, cara bekerja dan mutu kerja supaya berlakunya anjakan ke tahap produktiviti yang mantap.

Beliau juga melahirkan rasa prihatin beliau terhadap kemampuan pegawai lantikan baru yang dihantar ke Unit Audit Dalam. Beliau menyarankan latihan yang sewajarnya perlu diberikan kepada mereka. Selain itu, elemen komunikasi dan koordinasi perlu diterapkan antara pegawai di Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam bagi menjayakan program transformasi negara.

YBhg. Tan Sri memaklumkan dua perkara penting iaitu yang pertama mewujudkan kumpulan pakar *Forensic Audit* yang berpusat di Sektor Audit Khas dan Penyelidikan. Kumpulan pakar ini akan berperanan sebagai '*common user*' yang mana mereka akan dipanggil untuk menjalankan pengauditan terhadap *fraud* dan penyelewengan sekiranya ada keperluan. Kumpulan pakar ini akan diberi program latihan secara intensif serta peluang untuk bekerjasama dengan pakar dalam bidang *fraud* semasa menjalankan pengauditan.



Perkara kedua ialah pelaksanaan '*compulsory audit*' untuk setiap projek mega Kerajaan yang bernilai lebih dari RM1 billion. Seiring dengan persetujuan yang telah dicapai pada RMK10, Kerajaan menetapkan kos projek yang melebihi RM100 juta perlu diadakan '*independent review*'. Menurut YBhg. Tan Sri, pegawai audit perlu menjalankan kaedah *pre audit* supaya kelemahan atau isu tadbir urus yang ditemui dalam Kementerian/Jabatan boleh diperbaiki dengan kadar segera.

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara memaklumkan mengenai program latihan yang telah dirancang seperti pengauditan syarikat dan kursus berhubung *Corporate Governance* dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Beliau menyatakan bahawa usaha akan dilakukan oleh Jabatan untuk mendapat sijil pengiktirafan dari SSM bagi kursus *Corporate Governance* ini.

Sebelum mengakhiri ucapannya, YBhg. Tan Sri mengalukan cadangan penambahbaikan dari warga audit. Beliau turut menyatakan kesyukurannya terhadap segala pencapaian Jabatan Audit Negara dan mengumumkan bahawa Laporan Ketua Audit Negara akan dibentangkan di Parlimen pada 25 Oktober 2010.



BAHAGIAN C

GAMBAR DI SEKITAR HARI AUDIT SE-MALAYSIA DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2010

HARI AUDIT SE-MALAYSIA DAN HARI INOVASI



Ucapan aluan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ketua Audit Negara, ucap tama dan perasmian oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan serta pelancaran *eAudit Ranking System (eARAS)* dan *ILMU Perpustakaan Akademi Audit Negara*.



Penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2009 bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan.



YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara menerima Sijil 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).



Penyerahan Sijil Penyertaan Program Anak Angkat dan sumbangan buku teks kepada sekolah terpilih.



Sidang media sedang berlangsung bersama YAB MB Negeri Sembilan dan Ketua Audit Negara.



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM



Sesi Forum mengenai “Inisiatif Transformasi Kerajaan : Isu dan Cabaran Pelaksanaan”.



Pembentangan kertas kerja I mengenai AGO’s *Framework for IT Audit Quality Assurance* oleh En. Abdul Hamid bin Abdullah.



Pembentangan kertas kerja II oleh En. Akhbar bin Hj. Satar bertajuk “*Fraud – A Crimonological Perspective*”.



En. Shahril Ridza bin Ridzuan dari KWSP membentangkan kertas kerja III bertajuk “*Pelaburan dan Risiko*”.



En. Ahmad Nasri bin Abdul Wahab dari KPMG membentangkan Kerta Kerja IV bertajuk “FRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement – Isu dan Cabaran”.



Ceramah bertajuk “From Good to Great” disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Sheikh Omar bin Abdul Rahman.



Jawatankuasa Pelapor

En. Zulkipli Bin Abdullah
Dr. Masiah Binti Ahmad
Cik Alifah Aida Binti Lope Abdul Rahman
En. Tan Bee Hai
Pn. Siti Zulaiha Binti Mustapar
Cik Aziatul Akmam Binti Atan@Abdullah
Cik Nor Azreen Binti Yusoff